

SURAT PEKELILING ICT NO. 8/2011

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri

PERKARA: PENGGUNAAN "**MOBILE BROADBAND**"

RUJ. KAMI: JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1(13)

TARIKH: 20 Oktober 2011

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Ketua Agensi Kerajaan Negeri berkenaan pembelian pakej "*Mobile Broadband*" untuk kegunaan pejabat.

2. PEMAKAIAN "**MOBILE BROADBAND**"

- 2.1 Penggunaan "*mobile broadband*" ini adalah untuk tujuan rasmi. Setiap pejabat dibenarkan satu unit sahaja. Unit tambahan mestilah mendapat kelulusan Ketua Agensi masing-masing.
- 2.2 Segala kos pembelian dan penyelenggaraan adalah ditanggung oleh agensi masing-masing menggunakan peruntukan sedia ada.
- 2.3 Agensi adalah diberikan kebenaran untuk memilih pakej dari mana-mana pembekal perkhidmatan dengan kos bulannya tidak melebihi RM80.00
- 2.4 Ia adalah untuk kegunaan semasa bertugas di luar pejabat. Penggunaannya di dalam pejabat adalah tidak digalakkan. Sekiranya "*mobile broadband*" ini perlu digunakan dalam pejabat, penggunaannya MESTILAH hanya dengan komputer bersendirian (*standalone*) iaitu tidak berhubung dengan SarawakNet. Komputer yang digunakan juga MESTILAH mempunyai perisian "*Anti-virus*" yang terkini.
- 2.5 Ketua Agensi adalah bertanggungjawab memastikan penggunaannya adalah bermanfaat dan menambahkan produktiviti kerja agensi.

3. TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Surat Pekeliling ini diedarkan secara dalam talian di Berita SarawakNet dan juga di Laman Pekeliling Kerajaan Negeri.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Sarawak